



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 60**

**19hb Julai 2007**

**No. 15**

---

---

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

(Act 171)

**No. 840.**

PELANTIKAN-PELANTIKAN AHLI MAJLIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 10(1)

APPOINTMENTS OF COUNCILLOR UNDER SUBSECTION 10(1)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang-orang yang dinamakan dalam ruangan (1) Jadual menjadi Ahli Majlis sebagaimana dinyatakan dalam ruangan (2) bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang dinyatakan dalam Jadual berkuatkuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruangan (3).

In exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the State Authority has appointed the person named in column (1) of the Schedule to be the Councillors as specified in column (2) for the Local Authority specified in the Schedule with effect from the date specified in column (3).

JADUAL/SCHEDULE

MAJLIS PERBANDARAN RAUB  
RAUB MUNICIPAL COUNCIL

(1)	(2)	(3)
YH. Dato' Haji Mustaffar Kamal bin Haji Abd. Hamid	Ahli Majlis/ Councillor	1 April 2007

(1)	(2)	(3)
Encik Muniandy a/l Kannan	Ahli Majlis/ Councillor	1 April 2007

Bertarikh di Kuantan 15 Mei 2007

Dated at Kuantan 15 May 2007  
[SUK.Phg. (KT)(S)023/4 SJ. 3 Jld. 7 S.K.2]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 841.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruangan (1) Jadual menjadi Ahli Majlis sebagaimana dinyatakan dalam ruangan (2) bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang dinyatakan dalam Jadual berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruangan (3).

In exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the State Authority has appointed the person named in column (1) of the Schedule to be the Councillors as specified in column (2) for the Local Authority specified in the Schedule with effect from the date specified in column (3).

JADUAL/SCHEDULE

MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH  
TEMERLOH MUNICIPAL COUNCIL

(1)	(2)	(3)
YH. Dato' Saifuddin bin Abdullah	Ahli Majlis/ Councillor	1 April 2007

Bertarikh di Kuantan 15 Mei 2007

Dated at Kuantan 15 May 2007  
[SUK.Phg. (KT)(S)023/4 SJ. 4 PT. 6 S.K.8]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

## AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960

(Akta 530)

## LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT 1960

(Act 530)

**No. 842.**

## PENGISYTIHARAN KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK

## DECLARATION OF A GROUP SETTLEMENT AREA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530], Pihak Berkuasa Negeri telah mengisytiharkan tanah seluas 257.4 hektar (636 ekar) yang dikenali sebagai Lot 1965, Mukim Tembeling, Daerah Jerantut yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.A. 76715 dan P.A. 76716 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Penempatan Berkelompok dikenali dengan nama Rancangan FELCRA BERHAD TEMBELING TENGAH IV Mukim Tembeling, Daerah Jerantut, mulai dari 1 Januari 1997.

In exercise of the powers conferred by section 4 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [Act 530], the State Authority has declared the land measuring an area of 257.4 hectares (636 acres) known as Lot No. 1965, Mukim of Tembeling, District of Jerantut delineated upon Survey Plan No. P.A. 76715 and P.A. 76716 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Group Settlement Area to be known as FELCRA BERHAD TEMBELING TENGAH IV Scheme, Mukim of Tembeling, District of Jerantut, with effect from 1 January 1997.

Bertarikh 15 Julai 2007

Dated 15 July 2007  
[PTG.Phg. 06.2/2.30 Pt. 1(10)]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary of*  
*State Executive Council*  
*of Pahang*

**No. 843.**PENGISYTIHARAN KAWASAN PENEMPATAN LUAR BANDAR  
DALAM KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOKDECLARATION OF A RURAL SETTLEMENT AREA  
WITHIN A GROUP SETTLEMENT AREA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530], Pihak Berkuasa Negeri telah mengisytiharkan tanah seluas 257.4 hektar (636 ekar) yang dikenali sebagai Lot 1965, Mukim Tembeling, Daerah Jerantut yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.A. 76715 dan P.A. 76716 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Penempatan Luar Bandar dalam Kawasan Penempatan Berkelompok Rancangan FELCRA BERHAD TEMBELING TENGAH IV Mukim Tembeling, Daerah Jerantut, mulai dari 1 Januari 1997.

In exercise of the powers conferred by section 5 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [Act 530], the State Authority has declared the land measuring an area of 257.4 hectares (636 acres) known as Lot No. 1965, Mukim of Tembeling, District of Jerantut delineated upon Survey Plan No. P.A. 76715 and P.A. 76716 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Rural Settlement Area within the Group Settlement Area of FELCRA BERHAD TEMBELING TENGAH IV Scheme, Mukim of Tembeling, District of Jerantut, with effect from 1 January 1997.

Bertarikh 15 Julai 2007

Dated 15 July 2007

[PTG.Phg. 06.2/2.30 Pt. 1(11)]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary of*  
*State Executive Council*  
*of Pahang*

#### ENAKMEN RIZAB MELAYU

(N.M.B. Bab 142)

#### MALAY RESERVATIONS ENACTMENT

(F.M.S. Cap. 142)

#### **No. 844.**

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)

REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 4421 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 73513, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.A. 107282 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Kuala Kuantan menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 4944 yang disiarkan pada 7 Oktober 1921 dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 4421 square metres, known as Lot 73513, in the Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 107282 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang, which is forming part of the Kuala Kuantan Malay Reservation *vide* the Federated Malay States Government *Gazette* No. 4944 published on the 7 October 1921 be revoked from forming parts of the said Malay Reservation.

Bertarikh 18 Jun 2007

Dated 18 June 2007

[PTK. 3/5/106 SJ. 168]

DATO' SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

## NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 845.**

(Seksyen 62)

## PERIZABAN TANAH-TANAH UNTUK MAKSUD AWAM

(Section 62)

## RESERVATION OF LANDS FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 515 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 20921, Mukim Perak, Daerah Temerloh, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.A. 126942 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak sistem dan perkhidmatan pembedungan, di Taman Intan Temerloh, di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan disenggarakan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Pembedungan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved the land measuring an area of 515 square metres, known as Lot 20921, Mukim of Perak, District of Temerloh, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 126942 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for the Taman Intan Temerloh, sewerage service and system, to be under the control of the Federal Land Commissioner and to be supervised by the Director General of Sewerage Services Department.

Bertarikh 18 Jun 2007

Dated 18 June 2007  
[PTT. 370/21/2004/12]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary of*  
*State Executive Council*  
*of Pahang*

**No. 846.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 345 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 5041, Mukim Tanah Rata, Daerah Cameron Highlands, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.A. 128264 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak sistem dan perkhidmatan pembedungan, di Flat JPN, Lembah Jasar, di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan disenggarakan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Pembedungan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved the land measuring an area of 345 square metres, known as Lot 5041, Mukim of Tanah Rata, District of Cameron Highlands, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 128264 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for the Flat JPN, Lembah Jasar, sewerage service and system, to be under the control of the Federal Land Commissioner and to be supervised by the Director General of Sewerage Service Department.

Bertarikh 18 Jun 2007

Dated 18 June 2007  
[PTCH. 7/024/2000]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary of*  
*State Executive Council*  
*of Pahang*

**No. 847.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 1305 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 5001, Mukim Tanah Rata, Daerah Cameron Highlands, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.A. 128673 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak pejabat dan rumah Kadi, di Tanah Rata, di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved the land measuring an area of 1305 square metres, known as Lot 5001, Mukim of Tanah Rata, District of Cameron Highlands, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 128673 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for the Tanah Rata Qadhi's house and office, to be under the control of the Director of the Pahang Islamic Religious Department.

Bertarikh 18 Jun 2007

Dated 18 June 2007  
[CH(T) 8/30/90]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary of*  
*State Executive Council*  
*of Pahang*

**No. 848.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 7695 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 5002, Mukim Tanah Rata, Daerah Cameron Highlands, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.A. 128180 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak perkuburan Islam, di Taman Sedia, di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 7695 square metres, known as Lot 5002, Mukim of Tanah Rata, District of Cameron Highlands, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 128180 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for the Taman Sedia Muslim cemetery, to be under the control of the Director of the Pahang Islamic Religious Department.

Bertarikh 18 Jun 2007

Dated 18 June 2007

[CH(T) 8/22/95]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary of*  
*State Executive Council*  
*of Pahang*

**No. 849.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 14.824 hektar, Mukim Budu, Daerah Lipis, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.W. 3843 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Sekolah Menengah Agama di Benta, di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 14.824 hectares, Mukim of Budu, District of Lipis, as delineated upon Survey Plan No. P.W. 3843 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for the Benta Religious Secondary School, to be under the control of the Director of the Pahang Islamic Religious Department.

Bertarikh 18 Jun 2007

Dated 18 June 2007

[PTL. 2/008/99]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary of*  
*State Executive Council*  
*of Pahang*

**No. 850.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 1.426 hektar, yang dikenali sebagai Lot 3135 dan 0.9288 hektar, Lot 3136, Mukim Kechau, Daerah Lipis, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.A. 108627 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak perkuburan Islam Kampung Bandar, di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land measuring an area of 1.426 hectares, known as Lot 3135 and 0.9288 hectare, Lot 3136, Mukim of Kechau, District of Lipis, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 108627, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for the Kampung Bandar Muslim cemetery, to be under the control of the Director of the Pahang Islamic Religious Department.

Bertarikh 18 Jun 2007

Dated 18 June 2007

[PTL. 2/017/97]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary of*  
*State Executive Council*  
*of Pahang*

**No. 851.**

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN-PEMBATALAN PERIZABAN

[Subsection 64(1)]

REVOCATIONS OF RESERVATION

Bahawasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri Pahang No. 408* yang disiarkan pada 15 Oktober 1959, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 24(i) Kanun Tanah [*Bab. 138*] telah mengisytiharkan tanah seluas 6 ekar 33 pole yang dikenali sebagai No. Lot 1409, terletak di Mukim Telang, Daerah Lipis, yang dilukiskan atas Pelan Ukur No. 19,922 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi suatu rizab bagi maksud tapak sekolah Melayu dan disenggara oleh Ketua Pegawai Pendidikan, Pahang;

Dan bahawasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 12 Oktober 2006 sebagai Pemberitahuan *Warta No. 1092*;

Dan bahawasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian adalah diisytiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perizaban tersebut.

Whereas by the Pahang States Government *Gazette* No. 408 published on 15 October 1959, Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers conferred on him by subsection 24(i) of the Land Code [*Cap. 138*] has proclaimed the land comprising of an area of 6 acres 33 poles known as Lot No. 1409, situated at Mukim of Telang, District of Lipis, delineated upon Survey Plan No. 19,922 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a reserve for a public purpose namely, as a site of a Malay school, to be maintained by the Chief Education Officer of Pahang;

And whereas a notice of the proposal to revoke the aforesaid reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], was published in the Government of Pahang *Gazette* on the 12 October 2006 as *Gazette* Notification No. 1092;

And whereas on the date and time fixed for enquiry, the Pahang State Director of Lands and Mines did not receive any objection to the proposal;

Now therefore it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes the aforesaid reservation.

Bertarikh 18 Jun 2007

Dated 18 June 2007  
[PTL. 8-1/T/033 2000]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary of*  
*State Executive Council*  
*of Pahang*

**No. 852.**

Bahawasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 323 yang disiarkan pada 21 Ogos 1958, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 24(i) Kanun Tanah [*Bab 138*] telah mengisytiharkan tanah seluas 12 ekar 3 rood 19 pole yang dikenali sebagai No. Lot 4,673, terletak di Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang dilukiskan atas Pelan Ukur No. 20,162 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi suatu rizab bagi maksud tapak Berek Polis dan rizab kuarters pegawai-pegawai di atas nama Ketua Pegawai Polis Pahang;

Dan bahawasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 12 Oktober 2006 sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 1091;

Dan bahawasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian adalah diisytiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perizaban tersebut.

Whereas by the Pahang States Government *Gazette* No. 323 published on 21 August 1958, the Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers conferred on him by subsection 24(i) of the Land Code [*Cap. 138*] has proclaimed the land comprising of an area of 12 acres 3 rood 19 poles known as Lot No. 4,673, situated at Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, delineated upon Survey Plan No. 20,162 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a reserve for the purpose, namely as a site for a Police Barracks and officers quarters reserve, to be maintained by the Chief Police Officer, Pahang;

And whereas a notice of the proposal to revoke the aforesaid reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], was published in the Government of Pahang *Gazette* on the 12 October 2006 as *Gazette* Notification No. 1091;

And whereas on the date and time fixed for enquiry, the Pahang State Director of Lands and Mines did not receive any objection to the proposal;

Now therefore it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes the aforesaid reservation.

Bertarikh 18 Jun 2007

Dated 18 June 2007  
[PTK. 3/3/23130]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary of*  
*State Executive Council*  
*of Pahang*

**No. 853.**

Bahawasanya melalui *Warta* Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu No. 103 yang disiarkan pada 7 Januari 1938, Residen Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 24(i) Kanun Tanah [*Bab. 138*] telah mengisytiharkan tanah seluas 3 rood 19.1 pole dan 1 ekar 1 rood 2 pole yang dikenali sebagai No. Lot 53, Seksyen 8 terletak di Bukit Brangan, Mukim Gali, Daerah Raub, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 13,727 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, sebagai satu rizab bagi maksud tapak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di bawah kawalan Jawatankuasa Sekolah Cina Keng Wun Raub;

Dan bahawasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] telah disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Ogos 2006 sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 963;

Dan bahawasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian adalah diisytiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perizaban tersebut.

Whereas by the Federated Malay States Government *Gazette* No. 103 published on 7 January 1938, the Resident of Pahang in exercise of the powers conferred on him by subsection 24(i) of the Land Code [*Cap. 138*] has proclaimed the land comprising of an area of 3 rood 19.1 poles and 1 acres 1 rood 2 poles known as Lot No. 53, Section 8 situated at Bukit Brangan, Mukim of Gali, District of Raub, delineated upon Survey Plan No. 13,727 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose of a Chinese Vernacular School, to be maintained by the Committee of the Keng Wun Chinese School, Raub;

And whereas a notice of the proposal to revoke the aforesaid reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], was published in the Government of Pahang *Gazette* on the 31 August 2006 as *Gazette* Notification No. 963;

And whereas on the date and time fixed for enquiry, the Pahang State Director of Lands and Mines did not receive any objection to the proposal;

Now therefore it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes the aforesaid reservation.

Bertarikh 18 Jun 2007

Dated 18 June 2007  
[PT. Raub 1/01/G(b)/4224]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary of*  
*State Executive Council*  
*of Pahang*

**No. 854.**

Bahawasanya melalui *Warta* Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu No. 82 yang disiarkan pada 2 Februari 1950, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 24(i) Kanun Tanah [*Bab. 138*] telah mengisytiharkan tanah seluas 1 ekar 2 rood 22.4 pole yang dikenali sebagai No. Lot 69, Seksyen 8 terletak dalam Bandar Raub, Daerah Raub, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 17,736 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, menjadi suatu rizab bagi maksud tapak sekolah Tamil, di bawah jagaan Merinyu Sekolah Pahang;

Dan bahawasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 15 Julai 2004 sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 583;

Dan bahawasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian adalah diisytiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perizaban tersebut.

Whereas by the Federated Malay States Government *Gazette* No. 82 published on 2 February 1950, the Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers conferred on him by subsection 24(i) of the Land Code [*Cap. 138*] has proclaimed the land comprising of an area of 1 acres 2 rood 22.4 poles known as Lot No. 69, Section 8 Town of Raub, District of Raub, delineated upon Survey Plan No. 17,736 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a reserve for the purpose of a Tamil school to be maintained by the Inspector of Schools, Pahang;

And whereas a notice of the proposal to revoke the aforesaid reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], was published in the Government of Pahang *Gazette* on the 15 July 2004 as *Gazette* Notification No. 583;

And whereas on the date and time fixed for enquiry, the Pahang State Director of Lands and Mines did not receive any objection to the proposal;

Now therefore it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes the aforesaid reservation.

Bertarikh 18 Jun 2007

Dated 18 June 2007  
[PT. Raub 1/01/RB(b)/4232]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*  
*Secretary of*  
*State Executive Council*  
*of Pahang*

**No. 855.**

Bahawasanya melalui *Warta Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu* No. 456 yang disiarkan pada 8 Disember 1949, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 24(i) Kanun Tanah [*Bab. 138*] telah mengisytiharkan tanah seluas 1 ekar 3 rood 23.3 pole yang dikenali sebagai No. Lot 1854, terletak di Mukim Tras, Daerah Raub, yang dilakar atas

Pelan Ukur No. 16,557 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, sebagai satu rizab bagi maksud tapak sekolah Cina, di bawah kawalan Ketua Merinyu Sekolah Pahang;

Dan bahawasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 31 Ogos 2006 sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 966;

Dan bahawasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian adalah diisytiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perizaban tersebut.

Whereas by the Federation of Malaya Government *Gazette* No. 456 published on 8 December 1949, the Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers conferred on him by subsection 24(i) of the Land Code [*Cap. 138*] has proclaimed the land comprising of an area of 1 acre 3 roods 23.3 poles known as Lot No. 1854 situated at Mukim of Tras, District of Raub, delineated upon Survey Plan No. 16,557 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose of a Chinese school, to be maintained by the Senior Inspector of Schools, Pahang;

And whereas a notice of the proposal to revoke the aforesaid reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], was published in the Government of Pahang *Gazette* on the 31 August 2006 as *Gazette* Notification No. 966;

And whereas on the date and time fixed for enquiry, the Pahang State Director of Lands and Mines did not receive any objection to the proposal;

Now therefore it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes the aforesaid reservation.

Bertarikh 18 Jun 2007

Dated 18 June 2007  
[PT. Raub 1/01/T(b)/4241]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary of*  
*State Executive Council*  
*of Pahang*

**No. 856.**

(Seksyen 187B)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) Hilang. Surat Akuan Pers. 289/2007.

## JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—67390. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 21217. Luas—130 meter persegi.

Bertarikh 11 Jun 2007  
[PTG. Phg. 08/2218/2007]

*Pendaftar Hakmilik Negeri  
Pahang*

**No. 857.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) Hilang. Surat Akuan Pers. 391/2007.

## JADUAL

Mukim—Gali. No. P.T.—12823. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 5495. Luas—404.68 meter persegi.

Bertarikh 11 Jun 2007  
[PTG. Phg. 08/2221/2007]

*Pendaftar Hakmilik Negeri  
Pahang*

**No. 858.**

[Perenggan 261(1)(c)]

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR SIASATAN

Di Pejabat Tanah Daerah Bentong, dalam Negeri Pahang.

## DI ANTARA

HSBC BANK MALAYSIA BERHAD

Pemegang Gadaian

DAN

LOH KEE FATT (KP. 651019-10-5099)  
WONG SZE ENG (KP. 601027-06-5044)

Penggadai

Kepada Loh Kee Fatt dan Wong Sze Eng yang beralamat di Parcel 8, Storey 4, Block C, Taman Benus Jaya, 28700 Bentong.

